

Peluang penduduk PPR/PA jelas tunggakan sewa

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan Kempen Jom Bayar Sewa khusus kepada warga Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di sekitar Kuala Lumpur.

Menurut DBKL, kempen ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan penyewa membuat bayaran pendahuluan bagi mengelakkan tunggakan di samping memberi ruang dan peluang kepada penyewa bertunggakan menjelaskan tunggakan sewa.

“Sepanjang tempoh kempen, semua penyewa yang membuat bayaran berpeluang untuk menerima baucar tunai bernilai RM50 atau RM30 atau cenderahati tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

“Bagi insentif baucar tunai RM50, penyewa tiada tunggakan boleh membuat bayaran sewa secara pendahuluan untuk setahun caj sewa manakala penyewa bertunggakan pula boleh menjelaskan 50 peratus dari jumlah tunggakan sewa dengan minima RM1,000 tunggakan.

“Selain itu, bagi insentif

baucar tunai RM30 pula, penyewa tiada tunggakan boleh membuat bayaran sewa secara pendahuluan (advance) untuk tiga bulan caj semasa manakala penyewa bertunggakan perlu menjelaskan minima tiga bulan tunggakan sewa,” jelas DBKL bayaran melalui semua saluran pembayaran DBKL dan perlu dijelaskan dalam tempoh 1 Januari hingga 15 Mac 2024.

Tambah DBKL, bagi cenderahati pula, penyewa boleh mendaftar dan membuat bayaran sewa di aplikasi *DBKLBayar* dengan minima sebulan caj sewa manakala penyewa bertunggakan pula perlu mengemukakan bukti bayaran sewa yang dibuat melalui aplikasi yang sama. Kedua-dua bayaran tersebut perlu dijelaskan dalam tahun ini.

Dalam pada itu, DBKL mengingatkan bayaran tunggakan sewa ini perlu dijelaskan oleh penyewa sendiri dan tidak dibayar oleh pihak ketiga selain DBKL juga berhak membuat pindaan atau perubahan promosi tanpa sebarang notis. 